

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	23 JUNE 2017

Hadiah Aidilfitri PM kepada Sofea Qaisara, keluarga

BH - 23/6/2017 pg. 4

➔ Ibu tunggal sara anak OKU dapat kediaman baharu selepas kisah derita hidup sentuh hati Najib

Putrajaya

Tidak terlintas di fikiran Ummi Kalthom Ayub untuk mendapat unit kediaman baharu bagi menyambut Aidilfitri tahun ini.

Ibu tunggal berumur 37 tahun itu yang mendukung anak bongsu, Sofea Qaisara Syafiq Khuzairil, 5, yang mengalami masalah penglihatan, cacat fizikal dan pembelajaran (dandy walker syndrome) sambil memegang tangan seorang lagi anaknya Sofea Qalisya, 7, terkejut apabila memasuki sebuah unit kediaman di Pangsapuri Putra Damai di Presint 11 di sini, semalam.

Pemimpin nombor satu negara, Datuk Seri Najib Razak sedang menunggu dan mengalu-alukan kehadiran mereka di

unit pangsapuri yang dihias cantik dan dilengkapi perabot baharu.

Unit pangsapuri itu adalah tempat tinggal baharu bagi keluarga itu meneruskan kehidupan yang lebih selesa khususnya pada Aidilfitri tahun ini.

Hadiah paling istimewa

“Saya tidak tahu nak kata apa. Saya tidak sangka dan terkejut... ini adalah hadiah paling istimewa Perdana Menteri kepada kami.

“Terima kasih. Tidak sangka kami mendapat rezeki ini. Allah saja yang boleh balas. Terima kasih semua,” katanya sambil mengalir air mata.

Dalam pertemuan yang singkat itu, Najib juga bertanyakan keadaan Sofea Qaisara sama ada beliau mendapat rawatan di hospital atau tidak.

Unit kediaman tiga bilik seluas 700 meter persegi itu dilengkapi dengan perabot dan kelengkapan seperti bilik mainan, sofa, televisyen, mesin basuh, peti ais dan dapur.

Najib juga menghulurkan kad jemputan kepada Umi Kalthom untuk menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri dan Jemaah Menteri di Seri Perdana pada Hari Raya pertama.



Selepas mengetahui keadaan rumah yang diduduki mereka, saya meminta pegawai untuk mendapatkan unit baharu untuk keluarga kurang bernasib baik ini. Saya berharap rumah baharu ini, anda sekeluarga boleh meneruskan kehidupan yang lebih selesa”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Sofea Qaisara dan kakaknya kelihatan ceria apabila mendapat baju raya dan duit raya daripada Perdana Menteri.

Najib tersentuh hati

Sementara itu, Najib berkata, beliau tersentuh apabila berjumpa dengan Sofea Qaisara ketika beramah mesra dan menyampaikan sumbangan kepada golongan kurang upaya di Bazar Ramadan di sini pada 8 Jun lalu.

“Selepas mengetahui keadaan rumah yang diduduki mereka, saya meminta pegawai untuk mendapatkan unit baharu untuk keluarga kurang bernasib baik ini.

“Saya berharap rumah baharu ini, anda sekeluarga boleh meneruskan kehidupan yang lebih selesa,” katanya.

Pada 8 Jun lalu, Najib meminta Jabatan Kebajikan Masyarakat terus menghulurkan bantuan sebanyak RM300 sebulan dan bekalan lampin setahun kepada Sofea Qaisara Ummi Kalthom kini bekerja sebagai pembantu operasi di myFarm Outlet di sini dengan gaji bulanan RM1,000.

Beliau terpaksa membawa anaknya ke tempat kerja berikutan tiada orang menjaga mereka.

BERNAMA